

Ketua kampung cedera dibelasah

Lelaki tidak puas hati binaan haram diroboh pejabat daerah

IZWAN ROZLIN

SHAH ALAM – Gara-gara tidak berpuas hati tentang permohonan tanah, seorang lelaki, yang juga ahli PKR Cabang Subang, menumbuk muka seorang ahli jawatankuasa bertindak tanah di kawasan letak kereta, Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, Seksyen U5, dekat sini, petang kelmarin.

Akibat insiden itu, mangsa yang juga Pengerusi Persatuan Ketua-Ketua Kampung Daerah Petaling, Ramli Daud, 56, cedera di muka dan mata, serta patah empat batang gigi dan terpaksa dikejarkan ke Hospital Sungai Buloh bagi mendapatkan rawatan.

Menceritakan semula kejadian itu, Ramli berkata, lelaki berusia 40-an itu tiba-tiba muncul sewaktu dia sedang meletakkan keretanya di parkir berhampiran pondok pengawal di pejabat

kerajaan itu.

“Dia mempertikaikan tentang tindakan penguat kuasa pejabat daerah merobohkan binaan haram yang dibina di Taman Segar Subang. Belum sempat saya menjawab soalnya, dia terus menumbuk muka saya bertubi-tubi,” katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Menurutnya, insiden yang berlaku dalam tempoh beberapa saat itu disaksikan oleh salah seorang pengawal keselamatan wanita yang bertugas yang kemudiannya bertindak meleraikan keadaan.

“Seorang rakannya turut membantu menghalang lelaki berkenaan daripada terus memukul saya.

“Laporan perubatan hospital mengesahkan saya mengalami kecederaan pada mulut, mata dan juga hidung akibat ditumbuk,” katanya se-

lepas membuat laporan di Balai Polis Kampung Baru Subang.

Menurut Ramli, lelaki itu sebelum ini bertindak membina binaan haram di atas salah sebuah dari 58 lot tanah yang masih menunggu keputusan pemberi milikan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) melalui surat yang dikeluarkan Pejabat Daerah dan Tanah Petaling pada 25 Jun 2008 kepada Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Taman Segar melalui rujukan Bil (18) dlm PTD P 08/04/PB01/269/102003.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, Supritendan Junaidi Bujang ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan itu dan kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 325 kanun keseksaan kerana mendatangkan kecederaan kepada individu.

“Suspek dikenal pasti dan akan ditahan dalam waktu terdekat,” katanya.



Ramli menunjukkan laporan polis yang dibuat.